

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 / 76**

**Kedudukan Pegawai-pegawai Perempuan Di Bawah  
Perintah Am Bab 'A' 32 (1958)**

Saya diarah memaklumkan bahawa dengan pindaan kepada peruntukan Perintah Am bab 'A' 32 (1958) yang berkuatkuasa mulai 1hb. Januari, 1969 semua pegawai-pegawai perempuan layak dimasukkan ke dalam perjawatan tetap dan berpencen walaupun mereka telah berkahwin semasa dilantik atau pun berkahwin semasa dalam tempuh percubaan. Berikutan dengan itu dua Surat Pekeliling Perkhidmatan iaitu [Bil. 13 Tahun 1970](#) dan [Bil. 11 Tahun 1972](#) telah dikeluarkan untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan pindaan kepada Perintah Am Bab 'A' 32 (1958) itu. Surat-surat Pekeliling tersebut memberi peluang kepada pegawai-pegawai wanita yang bertaraf sementara semata-mata kerana perkahwinan untuk memilih samada hendak terus berkhidmat sebagai pegawai-pegawai sementara atau pun memilih untuk dimasukkan ke dalam perjawatan tetap dan berpencen.

2. Walau bagaimanapun ada terdapat sedikit perbezaan di antara peruntukan dalam kedua-dua Surat Pekeliling tersebut dari segi tempuh perkhidmatan yang boleh diambil kira untuk tujuan faedah-faedah persaraan. Bagi mereka yang terlibat di bawah [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 1970](#), tempuh tersebut dikira mulai dari tarikh mereka dilantik sebagai pegawai-pegawai sementara dahulu dan perkhidmatan mereka yang terputus sehari seperti yang disyaratkan itu hendaklah dianggap sebagai cuti tanpa gaji. Bagi mereka yang tertakluk di bawah [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. II Tahun 1972](#) pula, tempuh perkhidmatan mereka untuk tujuan faedah-faedah persaraan hanya dikira bermula dari tarikh mereka dilantik semula secara sementara kerana perkahwinan sahaja. Oleh itu mereka mengalami kerugian dari segi perkiraan tempuh untuk tujuan faedah-faedah persaraan berbanding dengan mereka yang tertakluk di bawah [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 1970](#).

3. Oleh itu kerajaan telah memutuskan bahawa bagi semua pegawai-pegawai perempuan yang layak dimasukkan ke dalam jawatan tetap dan berpencen mengikut [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. II Tahun 1972](#) tempuh perkhidmatan mereka sebelum dilantik semula secara sementara kerana perkahwinan akan diambil kira bagi maksud perkiraan faedah-faedah persaraan dengan syarat

- (a) Wang ganjaran perkahwinan yang telah dibayar kepada mereka ditolak daripada ganjaran di akhir perkhidmatan mereka [tanpa perkiraan faedah (interest)] apabila mereka bersara kelak;
- (b) Tempuh perkhidmatan mereka yang terputus selama sehari kerana perkahwinan itu akan dianggap sebagai cuti tanpa gaji;
- (c) Jika tempuh perkhidmatan mereka yang terputus lebih dari satu

hari atas sebab-sebab yang menasabah mereka juga akan layak dipertimbangkan untuk mendapat faedah itu. Kes-kes seumpama ini hendaklah dipanjangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan.

4. Tertakluk kepada perenggan 3 di atas, tarikh berkuatkuasanya dikebelakangkan kepada 30hb. April, 1972 iaitu tarikh keluarnya [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1972](#).

5. Dengan adanya keputusan seperti di perenggan 3 di atas, maka perenggan 4 [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1972](#) adalah dipinda sewajarnya.

Saya yang menurut perintah,

(HASHIM BIN MEON)  
Bahagian Perkhidmatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Ketua Setiausaha Negara,

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.